

18 SEP 1997

Mokhtar-Jimat

TERENGGANU AMBIL LANGKAH JIMAT CERMAT

KUALA TERENGGANU, 18 Sept (Bernama) -- Kerajaan negeri Terengganu akan mengambil pelbagai langkah berjimat cermat selaras dengan gesaan kerajaan pusat, kata Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, hari ini.

Beliau berkata antara lain, kerajaan negeri akan menjalankan kempen penjimatan kos pengurusan serta merta termasuk dari segi penggunaan elektrik di jabatan-jabatan kerajaan di negeri ini.

"Lawatan-lawatan sambil belajar ke luar negara oleh mana-mana jabatan kerajaan negeri juga akan dihentikan kecuali lawatan yang penting," katanya kepada pemberita selepas memberi taklimat kepada anggota exco kerajaan negeri hari ini mengenai perjumpaan khas Menteri-menteri besar dan Ketua Menteri dengan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur, semalam.

Wan Mokhtar berkata kerajaan negeri juga akan mematuhi saranan Perdana Menteri supaya negeri-negeri menggunakan kereta tempatan bagi keperluan jabatan-jabatan kerajaan.

"Selain itu, kerajaan negeri akan membangunkan segala sumber untuk memajukan sektor perikanan dan pertanian bagi mengurangkan kadar import bahan makanan," katanya.

Wan Mokhtar berkata Rancangan Buku Hijau akan dihidupkan semula di negeri ini untuk menggalakkan rakyat bercucuk tanam untuk keperluan mereka di samping mengurangkan kadar import makanan, yang kini berjumlah RM39 juta setahun, ke tahap yang paling minimum.

Menteri Besar berkata pengeluaran bahan eksport akan dipertingkatkan sama ada barang pertanian atau keluaran industri.

Terengganu kini mula mengeksport buah-buahan seperti rambutan dan tembikai ke Taiwan dan akan mengeksport salak dan limau madu ke negara-negara Asia Barat.

"Satu rombongan pelaburan negeri akan ke Asia Barat tidak lama lagi bagi meninjau peluang pasaran di sana," katanya. -- BERMAMA

IB NAK